



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(BISSMILLAHI AL-RAHMANI AL-RAHIMI)

PENTADBIRAN ZAKAT

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

SATU ANALISA

DISEDIAKAN

OLEH

HAJI HUSSIN BIN HAJI MOHD. REJAB

(NO: METRIK G9310206)

(SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT PENGIJAZAHAN)

DIPLOMA UNDANG-UNDANG

DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR MALAYSIA

SESSI 1993/1994

KANDUNGAN

PERKARA :	Halaman
Penghargaan :	v
Muqaddimah :	vii
Senarai Jadual-jadual :	ix
Senarai Lampiran-lampiran yang disertakan :	x

BAB PERTAMA

SEJARAH RINGKAS PENGURUSAN ZAKAT NEGERI KEDAH

1 . Perancang Dan Pengasas Pengurusan Negeri Zakat Kedah :	1
2 . Tertubuhnya Pejabat Zakat Negeri Kedah :	5
3 . Undang-undang Zakat Pertama diGubal :	7
4 . Perubahan Pada Tahun 1962 :	10

BAB KEDUA

SEIMBAS LALU MENGENAI CARTA ORGANISASI

PENTADBIRAN ZAKAT NEGERI KEDAH

1 . Pendahuluan :	19
2 . Ulasan :	19
2 . A . Dilihat Dari Segi Saiz Dan Fungsi Pejabat Zakat	21

Perkara :	Halaman
2 . B . Tujuan Dan Matlamat Organisasi :	24
2 . C . Perjawatan Dalam Pentadbiran Zakat :	26
2 . D . Dari Segi Hierarki Organisasi Pejabat Zakat :	35
Peringkat Pertama : Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia	
Sultan Sebagai Kuasa Utama :	35
Peringkat Kedua : Jawatankuasa Zakat :	37
Peringkat Ketiga : Jawatankuasa Kerja Zakat :	41
Peringkat Keempat : Jawatankuasa-jawatankuasa	
Kecil :	42
Peringkat Kelima : Setiausaha :	44
Peringkat Keenam : Penolong Ketua Operasi :	44
Peringkat Ketujuh : Pembantu Kepada Pegawai Kerja	
Akaun Dan Penolong Setiausaha : .	45
Peringkat Kelapan : Pembantu Kepada Pegawai Zakat	
Daerah/ Pegawai Penerangan /	
Merinyu/ Pegawai Kerani Kewangan	
Pegawai Kerani Pentadbiran :	46
Peringkat Kesembilan : Pembantu Kepada Penyelia	
Dan Pegawai Rendah :	46.
Peringkat Kesepuluh : Amil-Amil :	47
3 . Kesimpulan Dan Penutup :	47

Perkara :	Halaman
-----------	-------	---------

BAB KETIGA

PERJAWATAN KETUA EKSEKUTIF

PEJABAT ZAKAT NEGERI KEDAH

1	Pendahuluan :	50
2	Tugas Dan Tanggungjawab Setiausaha Zakat :	50
3	Kedudukan Perjawatan Ketua Eksekutif :	51
	(a) Nama Perjawatan :	51
	(b) Heirarki Perjawatan Setiausaha	
	Dalam Carta Organisasi :	53
	(c) Gaji Dan Elaun Ketua Eksekutif :	56
	(d) Syarat-Syarat Kelayakan Ketua Eksekutif :	59
4	Cadangan Dan Penutup :	65

BAB KEEMPAT

PERLAKSANAAN PUNGUTAN ZAKAT

OLEH PEJABAT ZAKAT NEGERI KEDAH

1	Pendahuluan :	67
2	Ulasan :	68
A	Peruntukan Undang-undang Dan Peraturan Yang	
	Berkaitan Dengan Pungutan Zakat :	69
B	Cara-Cara Pungutan Zakat Itu DiLaksanakan ?	71
C	Hasil Perolehan Tahunan Pejabat Zakat :	74

Perkara :	Halaman
D . Analisa Ringkas Mengenai Perolehan Pejabat Zakat	76
E . Pandangan Umum Mengenai Sistem Pungutan Zakat Yang DiLaksanakan Oleh Pejabat Zakat :	79
4 . Kesimpulan Dan Penutup :	80

BAB KELIMA

PENGGUNAAN HASIL ZAKAT YANG DIPUNGUT

1 . Pendahuluan :	84
2 . Kepada Siapa Zakat itu Patut DiKeluarkan ? :	84
3 . Bagaimana Wang Zakat DiGunakan Oleh Pejabat Zakat Kedah? :	87
4 . Ulasan mengenai Penggunaan Wang Zakat :	88
4 . 1 . Pemberian Kepada Asnaf Yang Lapan. :	88
4 . 2 . DiGuna Untuk Pentadbiran Dan Pengurusan :	101
4 . 3 . Pembangunan Dan Pemilikan Aset :	106
4 . 4 . Pelaburan Dan Simpanan :	106
5 . Kesimpulan :	106
5 . Cadangan Dan Penutup :	108
BIBLIOGRAFI :-	109

P E N G H A R G A A N

Puji-pujian ke hadirat Allah Pencipta Alam, Selawat dan Salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan para sahabat baginda.

Af-hamdulillah, dengan taufiq dan hidayah dari Allah, saya berjaya juga menyiapkan kertas kajian ini, walaupun tidak seperti yang diharapkan, kerana terdapat berbagai kelemahan dan kekurangan dalam segala segi. Namun demikian diharap ianya dapat memberi sesuatu yang menafaat kepada yang membacanya.

Dalam kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih penghargaan saya secara khusus kepada Dr. Muhamad Ariffin, Pensyarah Kuliyyah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia kerana bersedia menjadi penyelia dan penasihat kepada saya dalam menyediakan Kertas Kajian ini.

Tidak lupa juga saya mengucapkan terima kasih kepada mereka-mereka di bawah ini:-

1. Y.Bhg. Dato' Sheikh Mahmud bin Haji Ismail Naim, Setiausaha Jawatankuasa Zakat Kedah serta pegawai dan kakitangannya yang membekalkan maklumat-maklumat dan bahan-bahan yang diperlukan.

2. Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, khususnya Al-Ustaz Zainal Abidin Hj. Abd. Kadir dan Tuan Haji Mohd. Amin Salleh yang bersedia merestui dan melepaskan saya menyambungkan petajaran di Universiti Islam Antarabangsa ini.
3. Kepada Pensyarah-pensyarah Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam Sesi 1993/1994 yang telah mencurahkan ilmu yang amat berguna kepada kami peserta-peserta kursus ini.
4. Jabatan Perkhidmatan Awam khasnya Unit Latihan yang telah menyediakan biaya bagi kursus ini.
5. Akhir sekali kepada isteri dan anak-anak yang membantu menyemak dan menaip kertas kajian ini.

Kepada mereka-mereka yang disebutkan di atas dan yang tidak disebut, tetapi turut menyumbangkan sesuatu bagi menyediakan Kertas Kajian ini diucapkan berbilang terima kasih dan didoakan semoga dicucuri rahmat dan taufiq oleh Allah ke atas kalian. **Amin YaRabbal'Alamin.**

Al -Faqier

HJ. HUSSIN HJ. MOHD. REJAB.

م ا د د ا م ا ن

BISMILLAHI AL-RAHMANI ALRAHIMI

""HANYA SEDEKAH (ZAKAT), UNTUK ORANG-ORANG FAKIR, ORANG-ORANG MISKIN, AMIL, MUAALLAF, UNTUK MEMERDEKAKAN HAMBAA, UNTUK ORANG YANG BERHUTANG, FISABILILLAH, MUSAFIR, SEBAGAI SATU KETETAPAN YANG DIFARDUKAN OLEH ALLAH. DAN ALLAH MAHA MENGETAHUI DAN MAHA BIJAKSANA""

MAKSUD AL-QURAN: SURAH AT-TAUBAH :AYAT: 60

Institusi Zakat merupakan sebuah Institusi Kewangan Islam yang terpenting. Terdapat padanya kombinasi *Ruhiyah* dan *Maddiyah*, *Batiniyah* dan *Zahiriyah*. Andainya Institusi ini dibangunkan dan dihayati dengan sepenuhnya ia mampu menyelesaikan berbagai permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam dewasa ini.

Justeru itu saya memilih membuat kajian ilmiah saya tentang Institusi Zakat yang wujud di Malaysia bagi melihat beberapa sudut yang berkaitan dengannya.

Bagi tujuan kajian ini saya memilih Pejabat Zakat Negeri Kedah, kerana Institusi ini merupakan yang unik di antara Institusi Zakat yang ada di Malaysia. Ianya sebagai sebuah Institusi yang tersendiri, di Ketuai secara langsung oleh Sultan, tiada pembiayaan dari Kerajaan Negeri,

Penyumbang yang terbesar dan terpenting kepada pembangunan persekolahan agama.

Fokus kajian hanya sekitar yang berkaitan dengan Pejabat Zakat Kedah. Bahan-bahan kajian berlandaskan risalah, laporan-laporan, penyata-penyata yang dikeluarkan dan diedarkan oleh Pejabat Zakat Kedah serta berdasarkan pengalaman peribadi saya sebagai bekas Setiausaha Zakat Pertama Wilayah Persekutuan(1978 -1987).

Saya mengakui memang terdapat berbagai kekurangan dan kelemahan dalam menyediakan kertas kajian ini, namun diharap ianya akan menjadi koleksi dan bahan kajian tambahan kepada pengkaji-pengkaji yang berminat dengan Institusi ini pada masa-masa akan datang.

Penyusun.

SENARAI JADUAL-JADUAL

- 1 . JADUAL I . Hasil Perolehan Zakat Padi
Di Kedah 1987-1990 : 74
- 2 . JADUAL II . Hasil Perolehan Zakat Harta
bagi tempoh 1987 hingga 1989 :. 75
- 3 . JADUAL III . Anggaran Pembahagian untuk
Asnaf Yang Lapan Tahun 1992 : 89
- 4 . JADUAL IV . Ringkasan Anggaran Belanjawan
Pejabat Zakat Tahun 1992 : 90
- 5 . JADUAL V . Peruntukan Di Bawah Asnaf 'Amil
Pecahan Kepala 2300 : 103

SENARAI LAMPIRAN YANG DISERTAKAN

- Lampiran . 1 . Biodata Allah Yarham Wan Sulaiman Bin Wan Sidik.
- Lampiran . 2 . Biodata Almarhum Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahmud Ibnu Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah.
- Lampiran . 3 . Peraturan Perhimpunan Rial Zakat Dan Sedekah Orang-orang Islam Di Negeri Kedah 1356 Masihi (1355 Hijrah).
- Lampiran . 4 . Undang-undang Zakat Tahun (1955 Masihi) 1374 Hijrah.
- Lampiran . 5 . Carta Organisasi Pejabat Zakat Negeri Kedah 1992.
- Lampiran . 6 . Penyata Anggaran Perolehan Dan Belanjawan Pejabat Zakat Negeri Kedah 1992.

(BAB PERTAMA)

**SEJARAH RINGKAS PENGURUSAN ZAKAT
NEGERI KEDAH**

SEJARAH RINGKAS PENGURUSAN ZAKAT NEGERI KEDAH

1 . Perancang Dan Pengasas Pengurusan Zakat Kedah.

Allahyarham Wan Sulaiman bin Wan Sidik ¹ yang di lahirkan di Mukim Kerbau, Kota Setar, Kedah pada Tahun Hijrah 1291 bersamaan Tahun Masihi 1874, adalah orang yang terpenting di sebalik keujudan Badan Pengurusan Zakat di Kedah yang di kenali sebagai 'Pejabat Zakat Kedah'. Dan Allahyarham bolehlah digelar sebagai Perancang Keujudan Pejabat Zakat Kedah.

Kesedaran Allahyarham tentang betapa pentingnya 'Ibadah zakat yang disyaria'atkan ke atas umat Islam, serta di atas kepekaan dan keinsafan beliau terhadap penderitaan fakir miskin yang memerlukan pertolongan dan pembelaan bagi membolehkan mereka menikmati kehidupan yang sempurna dan selesa. Diiringi taufiq dan hidayah dari Allah S.W.T. mendorong Allahyarham merafa' sembah ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Mahmud Ibnu Al Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah 2 Cadangan bagi menubuhkan satu Badan untuk menguruskan hal ehwal zakat di Negeri Kedah.

1 Lihat Biodata Allah Yarham Dilampiran ..1

2 Lihat Biodata Almarhum Yang Teramat Mulia Tengku Mahmud Ibnu Al Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah dilampiran 2.

Alhamdulillah, dengan taufiq dan hidayah dari Allah S.W.T. Al Marhum Duli Yang Maha Mulia Tengku Mahmud telah berkenan di atas saranan dan cadangan tersebut. Secara kebetulan pula, Duli Yang Maha Mulia Tengku Mahmud juga adalah seorang Raja yang disemai dan dipupuk dengan jiwa Islam. Baginda telah banyak memainkan peranan dalam memaju dan menyebarkan Islam ketika itu, khususnya di Negeri Kedah Darul Aman.

Beginilah sifat seorang Raja atau pemimpin yang dikehendaki dalam Islam. Baginda bolehlah dianggap sebagai "Khalifah" sepertimana yang dikehendakki oleh Islam seperti maksud firman Allah di dalam Al-Quranul-Karim: "Sesungguhnya Aku jadikan (manusia) di bumi ini Khalifah"³. Kita berdoa' semuga Baginda tergolong dalam martabat Kalifah Allah sebagai yang dikehendaki oleh ayat tersebut.

Bagi melaksanakan tujuan dan matlamat tersebut, Yang Maha Mulia telah melantik tiga orang Ulama' untuk menggubal Undang-undang yang berkaitan dengan penubuhan Pejabat Zakat dan cara-cara mentadbir, memungut dan mengagihkan zakat kepada asnaf-asnaf yang ditentukan oleh Allah. Mereka-mereka itu adalah terdiri daripada:-

3 Al-Quran : Surah Al- Baqarah Ayat 30

1 . Allahyarham Haji Ismail bin Haji Saleh.

Pengerusi Majma' Masyikhah Al-Islam, Negeri Kedah Darul Aman.

2 . Allahyarham Tuan Haji Ya'kub Bin Haji Ahmad.

Kadi Daerah Kota Setar.

3 . Allahyarham Tuan Haji Abd. Ghani bin Haji Awang,

Kadi Besar Negeri Kedah Darul Aman.

Duli Yang Maha Mulla Tengku Mahmud bolehlah digelar sebagai Pengasas Pejabat Zakat Negeri Kedah yang ada sehingga ke hari ini. Dan Allahyarham Wan Sulaiman Bin Wan Sidek pula adalah sebagai pencetus ilham dan idea ke arah penubuhan Pejabat Zakat tersebut.

Kita memanjat do'a restu kehadiran Allah S.W.T agar roh-roh mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi merialisasikan pengujudan Pejabat Zakat di Negeri Kedah dan yang telah menyumbangkan khidmat bakti mereka dalam melaksanakan pentadbiran zakat itu, agar dicucuri rahmat dan diletak bersama Solihien dan para Shuhada' serta diberi ganjaran pahala sewajarnya di atas usaha-usaha serta pengorbanan yang mereka berikan itu.

2 . Tertubuhnya Pejabat Zakat Negeri Kedah.

Pada Tahun 1932 Masihi bersamaan 1352 Hijrah, Penubuhan Pejabat Zakat telah menjadi kenyataan dengan terwartanya satu Peraturan yang dinamakan **"PERHIMPUNAN RIAL ZAKAT DAN SEDEKAH ORANG-ORANG ISLAM NEGERI KEDAH 1355 H.(1936 M)"**

Dari sinilah titik-tolak bermulanya sejarah pentadbiran zakat di Negeri Kedah. Ia terus hidup dan berkembang sehingga ke hari ini.

Bagi melaksanakan dan merialisasikan kehendak-kehendak dalam Peraturan yang tersebut, di bentuk sebuah Jawatankuasa di peringkat Pusat yang dikenali dengan **"Komiti Agong" (Central Committee)** bertanggungjawab menguruskan segala hal ehwal yang berkaitan dengan Zakat di peringkat Negeri.

Jawatankuasa seumpama ini juga, ditubuhkan di peringkat Jajahan dikenali sebagai **"Komiti Jajahan" (District Committee)** yang bertanggungjawab bagi mengurus hal ehwal zakat di peringkat Jajahan, Daerah, Mukim atau kampung-kampung di seluruh Negeri Kedah.⁴

4 Lihat **"Peraturan Perhimpunan Rial Zakat Dan Sedekah Orang-orang Islam di Negeri Kedah 1936 Masihi (1355 Hijrah)"**

Walaupun bagaimanapun pelaksanaan zakat ketika itu adalah dibuat secara sukarela, dengan ertikata lain bahawa tidak ada paksaan dalam menunaikan kewajipan zakat oleh orang-orang Islam kepada Pejabat Zakat.

Badan atau Pejabat ini wujud ketika itu sekadar sebagai perantaraan dan bolehlah dianggap sebagai orang tengah yang memainkan peranan di antara pengeluar dan penerima zakat.

Perlaksanaan seumpama ini berjalan lebih 20 tahun , iaitu dari tahun 1932 hingga 1955. Dalam tempoh yang begitu lama tidak banyak perubahan yang dilakukan oleh Pihak pengurusan ketika itu untuk memajukan institusi tersebut, terutama dilihat dari segi pindaan penggubalan undang-undang yang dipakai.

Penggubalan undang-undang bagi sesebuah organisasi atau sesebuah Jabatan adalah antara perkara yang terpenting bagi menggambar dan mencerminkan perubahan kepada perubahan dasar pelaksanaan sesebuah organisasi atau sesebuah Jabatan.

Sehingga penulisan ini dibuat, saya belum dapat pasti kenapa sehinggga begitu lama tidak dibuat perubahan seolah-olah tidak ada orang yang berminat dengan institusi ini dalam tempoh tersebut.

Saya juga tidak dapat mengesan apakah keadaan-keadaan atau punca-punca yang membantutkan perkembangan Institusi Zakat pada masa itu?.

Walau bagaimanapun, bagi tujuan kajian ini saya rasa sudah cukup untuk kita melihat gambaran ringkas perkembangan zakat ini dari awal penubuhannya.

3 . Undang-Undang Zakat Pertama Digubal

Pada tahun 1955 Masihi, bersamaan 1374 Hijrah, Undang-undang Zakat pertama telah diperkenalkan, dikenali dengan nama **"Undang-undang Zakat Negeri Kedah Nombor 4 Tahun 1374 Hijrah (1955 Masihi)"**. Ketika itu Negeri Kedah di bawah pemerintahan Al Marhum Sultan Badlishah Ibnu Al Marhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah iaitu ayahanda Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Al-Haji Abdul Halim Mu'azam Shah, iaitu Sultan Kedah Darul Aman yang memerintah pada masa ini.

Sungguh pun Undang-undang Zakat di Negeri Kedah telah digubal, namun kita dapati tidak banyak bezanya dengan Peraturan yang sedia ada, cuma beberapa pindaan telah dibuat. Kalau dahulunya, kewajipan zakat itu dilaksanakan secara sukarela tetapi kali ini, diwajibkan keatas semua orang Islam menunaikan kewajipan tersebut kepada Pejabat Zakat melalui Amil-amil yang dilantik.

Ditetapkan juga bahawa kadar yang tertentu bagi zakat yang wajib diserahkan kepada Pejabat Zakat, iaitu mestilah tidak kurang dari separuh atau $\frac{4}{8}$ dari $\frac{8}{8}$. Manakala yang bakinya terpulanglah kepada individu itu sendiri untuk diberi kepada siapa yang mereka suka.

Perubahan yang dilakukan ini tidak menampakkan satu perubahan yang drastik. Ia berubah begitu perlahan sekali, mungkin juga disebabkan keblimbangan timbulnya tentangan dari rakyat yang menjadi kebiasaan kepada mereka ketika itu mengeluarkan zakat mereka kepada sesiapa sahaja yang mereka suka atau sesiapa sahaja yang mereka pilih dan fikir sesuai serta layak.

Penggubalan dan pelaksanaan Undang-undang seperti ini, lebih merupakan memberi kesedaran kepada masyarakat agar tidak mengabaikan tugas dan tanggungjawab mereka dalam melaksanakan kewajipan agama mereka, bukannya untuk menguatkuasakan pelaksanaan sistem pungutan zakat secara menyeluruh.

Dengan terlaksananya sistem ini juga, maka amalan berzakat di kalangan ummah Islam di Kedah semakin menjadi sehati. Masyarakat semakin menyedari dan mendalami apa erti atau falsafah di sebalik pensyariatannya zakat itu.

Ini adalah disebabkan Pejabat Zakat sentiasa memainkan peranan memberi penerangan, ceramah-ceramah dalam usaha menerangkan kepada masyarakat tentang hukum-hakam berkaitan zakat. Hikmat-hikmat pensyariatannya dan menerangkan juga ke mana wang zakat yang dikumpul itu digunakan dan sebagainya.

Namun demikian, sesungguhnya masyarakat Islam di Kedah ketika itu dan sehingga ke hari ini, Mereka tetap mengeluarkan Zakat baik kepada Pejabat Zakat atau secara sendiri. Tidak timbul keingkaran mereka untuk tidak mengeluarkan zakat, cuma tidak semestinya mereka keluarkan sepenuhnya kepada Pejabat Zakat. Ada yang mengeluarkan separuh atau sebahagian dari zakat mereka kepada Pejabat Zakat dan sebahagian lagi kepada orang-orang kampung yang memerlukan.

Bagi Mereka, mengeluarkan zakat bukanlah semata-mata kerana takut kepada Undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan, tetapi, mereka lebih takut kepada Allah S.W.T. takut dan bimbang terhadap bala dari Allah S.W.T. ke atas mereka kiranya mereka tidak melaksanakan kewajipan tersebut 'seperti padi mereka menjadi binasa diserang ulat, tikus,serangga atau padi mereka tidak menjadi atau sebagainya.

4 . Perubahan Pada Tahun 1962.

Pada tahun 1962, beberapa pindaan lagi telah dibuat kepada Undang-undang Pentadbiran Zakat Kedah. Pindaan-pindaan tersebut adalah bertujuan untuk mengemaskinikan lagi segala urusan yang berkaitan dengannya. Peraturan ini dinamakan **'Peraturan Zakat 1962'** Antara lainnya; Pindaan di bawah fasal 9 Undang-undang Zakat tahun 1955 menetapkan kadar bagi Zakat padi ialah 10% dari perolehan kasar petani. Nisabnya 5 pula ialah dua kunca, dua nalih, enam gantang, satu cupak dan dua kepol.⁶

Namun demikian perubahan ini tidaklah bermakna perubahan dasar. Ia lebih merupakan perubahan pentadbiran sahaja. Mustahil

5 **Nisab** ialah satu kadar yang ditetapkan oleh syara' sesaorang itu layak mengeluarkan zakatnya atau dalam ertikata lain ialah amaun atau nilai harta atau wang ringgit atau bilangan ternakan atau berat timbangan atau sukatan yang dimiliki atau diperolehi sesaorang yang melayakannya untuk mengeluarkan zakatnya.

6 **Kunca, Nalih, Gantang, Cupak dan Kepol** adalah sukatan padi bagi orang-orang di Kedah pada masa dahulu dan sukatan ini hampir tidak diketahui lagi oleh orang-orang pada masa ini. Perkiraanannya adalah seperti berikut: 4 Kepol bersamaan 1 Cupak. 4 Cupak, 1 Gantang, 16 Gantang, 1 Nalih dan 16 Nalih 1 kunca. Mengikut timbangan hari ini ialah sebanyak 1,300.449 Kilogram. Tetapi amalan petani di Kedah pada masa ini adalah berdasarkan bilangan gundi setiap 10 guni yang dihasilkan mereka akan keluarkan sebanyak 1 guni untuk zakat mereka.

selama ini masyarakat Islam di Kedah tidak tahu berapa kadar nisab zakat yang wajib mereka keluarkan itu.

5 . Perubahan Pada Tahun 1982

Beberapa pindaan kepada Undang-undang dan Peraturan Zakat 1955 telah dibuat, dinamakan **"Peraturan Zakat Tahun 1982"** ⁷ dan berkuatkuasa pada 25 Haribulan Oktober 1982.

Peraturan ini menampakkan sedikit kematangan dalam menggubal Undang-Undang. Ianya menghuraikan beberapa istilah seperti Istilah fakir, miskin dan lain-lain asnaf yang lapan ⁸. Menerangkan juga tugas-tugas Jawatankuasa-Jawatankuasa yang ada. Tugas-tugas Pengerusi, tugas-tugas Setiausaha, Amil dan sebagainya ⁹

Peraturan ini juga menekankan hukuman mereka yang ingkar membayar zakat kepada Pejabat Zakat melalui Amil-amil yang dilantik atau Setiausaha atau mana-mana Merinyu yang dilantik.

Pejabat Zakat juga diberi kuasa untuk meminta kepada Kadi supaya mengeluarkan saman kepada mereka-mereka yang gagal menunaikan kewajipan zakat mereka kepada Pejabat Zakat.

7 Untuk lebih terperinci lagi lihat *Undang-undang Zakat Tahun (1955) 1374, Undang-undang Nombor 4 Tahun (1955) 1374 Peraturan menurut Seksyen 9*. yang dilampirkan dalam lampiran....3

8 Ibid..fasal 2.

9 Ibid fasal 4 hingga fasal 14.

Kesemua kesalahan-kesalahan tersebut, baik yang dilakukan oleh yang ingkar membayar zakat atau Amil-amil boleh dikenakan denda maksimumnya RM 500 atau penjara tidak lebih dari enam bulan.

Adapun semua perbicaraan bagi kes-kes yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan tersebut akan dijalankan di hadapan Kadi di Mahkamah Syariah.¹⁰ Walau bagaimana pun setakat ini, saya belum dapat kes-kes yang telah dibicarakan dan dijatuhkan hukumannya untuk dipetik dan dicatitkan di sini.

Perubahan ini juga sedikit sebanyak telah memperkukuh dan mempertingkatkan lagi penguasaan Pejabat Zakat ke atas sistem pentadbiran zakat di Kedah dan pihak Pejabat Zakat telah mula mempertingkatkan hasil kutipan Zakat mereka terutama zakat padi dari petani-petani.

Dengan pertambahan hasil pungutan zakat, bertambah pulalah sumbangan Pejabat Zakat kepada golongan-golongan yang memerlukan. Terutama yang paling ketara sekali di dalam bidang pelajaran, khususnya pembiayaan ke atas sekolah-sekolah Ugama yang dikenali dengan sekolah-sekolah pondok di Kedah di samping bantuan tradisional kepada fakir miskin muaallaf dan sebagainya.

¹⁰ Ibid fasal 15 hingga fasal 16.

Pembiayaan ke atas Sekolah-sekolah agama , melibatkan pembiayaan pembinaan , bantuan kewangan berdasarkan jumlah murid, bantuan guru-guru dan sebagainya.

6 . Enekmen Zakat (Pindaan Keempat) 1987.

Pada tahun 1987 sekali lagi Peraturan Zakat ini dipinda. Pindaan kali ini lebih ditumpukan bagi membolehkan Pejabat Zakat melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan ekonomi. Ia dinamakan **'Enekmen Zakat (Pindaan Keempat) 1987'**. Diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Kedah pada 10 Haribulan April 1988 Bersamaan 23 Haribulan Sya'aban 1408.

Tumpuan pindaan kali ini ialah di bawah seksyen 9 Undang-Undang atau Enekmen Ibu (Induk) di mana selepas seksyen 9 di masukkan peruntukan baru iaitu seksyen 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, dan 25.

Berdasarkan seksyen-seksyen di atas dapatlah kita membuat kesimpulan seperti berikut:-

i . Bahawa Jawatankuasa Zakat telah diberi kuasa membuat apa-apa kontrak, sama ada kontrak binaan, kontrak bekalan, perkhidmatan dan sebagainya, serta menekankan batas-batas di mana yang boleh dilakukan oleh Jawatankuasa dan apa yang tidak boleh dilakukannya.